

20 FEB 2001

Mahathir-Kazakhstan

MAHATHIR BERBINCANG DENGAN NURSULTAN

PUTRAJAYA, 20 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengadakan perbincangan dengan Presiden Kazakhstan Nursultan Nazarbayev yang sedang dalam lawatan tidak rasmi 10 hari ke Malaysia.

Kedua-dua pemimpin itu berbincang selama 30 minit sebelum Dr Mahathir meraikan tetamunya itu pada jamuan tengah hari di kediaman rasmi Perdana Menteri di sini.

Nazarbayev diiringi isterinya Fara dan 15 pegawai.

Yang turut hadir pada jamuan tengah hari ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Nazarbayev tiba pada 14 Feb dan telah melawat beberapa tempat seperti Menara Kembar Petronas dan Langkawi. Beliau dijadual pulang Sabtu ini.

Syed Hamid memberitahu pemberita kemudian bahawa Dr Mahathir dan Nazarbayev bertukar-tukar pendapat mengenai cara untuk menarik pelaburan dan bagaimana kedua-dua negara dapat mengukuhkan hubungan dua hala.

"Mereka juga membincangkan soal membuka kedutaan di Kazakhstan," katanya.

Syed Hamid berkata Nazarbayev telah mengundang Dr Mahathir melawat Kazakhstan.

--BERNAMA

SR ZS MAI